

**BANGU  
NAN DIBI  
NA OLEH  
BUMIPU  
TERA**

OLEH: FATKHI ABDULLAH

UM 15 APR 1981

**B**ATU PAHAT 14 April — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan mahu melihat bangunan-bangunan yang didirikan di negara ini dibina oleh bumiputera.

"Kita tidak mahu melihat semua bangunan yang dibina di negara ini didirikan oleh satu kaum sahaja, sedangkan bumiputera, khususnya orang Melayu tidak boleh membina masjidnya sendiri," katanya.

Berucap merasmikan Expo Pencapaian Serta Konvensyen Ekonomi Negeri Johor di Kampung Kenangan Datuk Onn di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata satu usaha raksaksa untuk melatih para pekerja mahir bumiputera dalam bidang pembinaan akan dilaksanakan di negara ini, terutama bagi memastikan kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Mereka yang akan diambil untuk mengikuti latihan tersebut akan dimasukkan ke dalam satu kem dan tinggal di situ sebagai satu angkatan yang diberikan latihan dan kemahiran yang diperlukan.

Beliau berkata, tenaga-tenaga mahir yang menerima latihan dari skim itu akan digunakan sepenuhnya untuk kerja-kerja pembinaan kampus baru Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor Bahru tidak lama lagi.

"Kita akan gunakan tenaga bumiputera sendiri membina kampus itu. Mereka akan digunakan dari peringkat dibawahnya hingga ke setinggi-tingginya," katanya.

"Mereka inilah yang akan membina UTM Skudai dan jaya atau tidaknya kampus universiti itu akan

bergantung kepada mereka, sama ada mereka benar-benar bertanggungjawab serta percaya kepada Dasar Ekonomi Baru dan menjayakan rancangan itu," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu pelatih-pelatih ini tidak hanya dari orang-orang Johor bahkan dari seluruh negara kerana mereka juga turut terlibat dan bertanggungjawab untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan negara dan mengisi kemerdekaannya.

Beliau berkata untuk mengetahui DEB tercapai atau tidak kajian perlu dibuat dengan cara mendalami

dan **15 APR 1981** satu Expo perlu diadakan untuk mengetahui sama ada matlamat kita tercapai atau tidak kerana tidak mungkin setiap orang menjalankan kajiannya sendiri."

Beliau menerangkan setakat mana kejayaan yang dicapai sebenarnya perlu diketahui oleh semua pihak supaya tidak ada lagi perasaan syak wasangka dan iri hati di kalangan baik bumiputera mahupun bukan bumiputera.

Datuk Sri Dr. Mahathir bertanya: "Adakah adil kalau

satu kaum yang menjadi 51 peratus dari penduduk negara ini cuma memiliki satu peratus dari sumber kekayaannya?

Apakah kerajaan hanya mendiamkan diri membiarkan ianya terus berlaku atau yang lemah patut ditolong dan bukan orang yang kuat dan kukuh kedudukannya dibiarkan bermaharajalela, tambahnya.

"Sudah tentu kita akan kata ini tidak adil dan sesiapa yang tidak adil tindakan yang akan diambil didapati akan menitikberatkan kepada kaum yang tertinggal iaitu kaum

bumiputera," katanya.

Beliau menegaskan masalah orang-orang bukan bumiputera dapat diatasi oleh mereka sendiri.

Timbalan Perdana Menteri berharap Malaysia akan mempunyai industri-industri penting dan asasnya sendiri supaya tidak lagi bergantung kepada negara-negara asing.

"Dari industri-industri berat kita akan terus kepada lain-lain industri, termasuk industri pembuatan senjata supaya satu masa nanti Malaysia tidak lagi bergantung kepada negara asing melainkan kepada perkara-perkara

yang sofistikated sahaja," katanya.

"Pada ketika itu kita akan menjadi sebuah negara yang betul-betul berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan semua negara lain, dan inilah hasrat kita."/>

188